

CNS9761

R. GB 15-03 00.171 BA338

aab

ELAK DARI JADI SASARAN LONGGOKAN BARANGAN NEGARA MAJU
Mahathir 1 - Pengguna

KUALA LUMPUR, 15 Mac Bernama) -- Pengguna-pengguna mestiberhati-hati daripada menjadisasaran terhadap barangan berbahaya dan yang tidak laku di negara maju Yang dilonggokkan di negara membangun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kadangkala terdapat barangan, termasuk ubat-ubatan, Yang kualitinya tidak begitu baik dan tidak diterima oleh masyarakat di negara maju masih diedarkan di negara membangun.

+Ada pendapat bahawa industri yang bahaya patut dipindahkan kepada negara membangun. Ini adalah satu daripada cadangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) baru-baru ini, + katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Pengguna Sedunia, di Pusat Dagangan Dunia Putra, disini hari ini.

+Jelas sekali bahawa jika para pengguna dalam negara membangun, jika tidak berhati-hati, akan menjadi sasaran barangan yang tidak laku Yang tidak boleh dijual di negara mereka, + kata Dr Mahathir.

Katanya, oleh itu persatuan-persatuan pengguna mesti mengambil berat terhadap perkara itu kerana kadangkalanya barangan tersebut suka J dikenalpasti. -- Lagi

▼15/03/13-23MST

R GB 15-03 00169 BH090

aab

Mahathir ~ Pengguna 2 Kuala Lumpur

Semasa berucap, Perdana Menteri berkata dalam zaman perdagangan bebas antarabangsa ini, perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengguna tempatan ialah berkenaan +dumping+ (longgokan), barangan bermutu rendah dan barang yang berbahaya, di negara-negara membangun.

Katanya pendapat di kalangan pembekal di negara maju ialah pengguna di negara-negara miskin tidak +s sofistiked+ dan tidak mempunyai pilihan. +Justeru itu, barangan yang tidak bermutu atau berbahaya seperti jentera yang mudah rosak atau mencemar alam sekitar atau ubat-ubatan, dan racun serangga yang bahaya yang tidak, lagi dibenar di negara maju, dihantar ke negara membangun, + katanya.

Beliau juga berkata para pengguna pada masa ini sudah menyedari bahawa perlakuan atau tindak tanduk korporat boleh dipengaruhi oleh pola pembelian dan pemilihan bagi barangan yang dikeluarkan oleh pembekal-pembekal yang beretika daripada sudut sosial dan persekitaran. Pengguna juga telah bertambah sedar bahawa masalah mereka bukan sahaja terhadap kepada pasaran tempatan, malahan ianya tidak dapat diatasi dengan mengambil tindakan setempat, katanya. -- Lagi

▼15/03/14-10MST

R GB 15-03 00165 OH091

bah

Mahathir - Pengguna 3 Kuala Lumpur

+Penumpuan usaha di peringkat nasional dan antarabangsa adalah penting untuk memastikan supaya kesannya dapat memanfaatkan seluruh para pengguna, +katanya.

Para pengguna, kata beliau, sedar bahawa mereka perlu bertindak balas terhadap kaedah dan amalan pemasaran moden yang semakin kompleks dan mengelirukan, serta harus berwaspada terhadap pembangunan teknologi yang membahayakan kehidupan dan ekologi, amalan-amalan etika korporat dan kesannya terhadap pengguna.

Dr Mahathir berkata dengan kemajuan, dan perkembangan pergerakan pengguna, para pengusaha perlu sentiasa berpegang kepada konsep harga yang adil dan memberi keutamaan kepada mutu dan standard untuk setiap barangan yang mereka tawarkan agar ia sejajar dengan konsep pemasaran moden bahawa pengguna perlu dianggap sebagai +raja+.

Katanya konsep ini telah menjadi amalan pengeluaran barangan di Malaysia yang berorientasikan eksport tetapi belum lagi menjadi amalan bagi segelintir pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk pasar tempatan, yang masih terdapat barang-barang bermutu rendah, barang-barang tiruan dan perkhidmatan lepas jualan yang tidak memuaskan. -- Lagi

♥15/03/14-22MST

R GB 15-03 00165 BH092

a a b

Mahathir - Pengguna 4 Kuala Lumpur

Beliau berkata semua pengguna terlibat dalam pembekalan khidmat dan barangan.

+Sepertimana kita mahukan segala khidmat dan barangan yang kita guna hendaklah berkualiti, demikian juga apabila kita menjadi pembekal khidmat atau barangan, barangan dan khidmat kita hendaklah berkualiti.

+Kita tidak akan mempunyai kredibiliti jika kita hanya menekankan kualiti bagi diri kita, tetapi kita tidak menekankan kualiti bagi orang lain yang secara langsung atau tidak langsung menjadi pelanggan kita, +katanya.

Perdana Menteri berkata punca masalah mutu rendah ialah pengguna kerap lupa mengenai soal mutu apabila ia memberi khidmat atau membuat barangan yang akan diguna oleh orang lain.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan mendapati ada pemimpin persatuan pengguna negara ini yang menerima bantuan dari luar negara untuk memburukkan negara sendiri dengan membuat kerja-kerja yang tidak ada kaitan dengan kepenggunaan, termasuk satu persatuan Pengguna Yang pergi ke Langkawi untuk menghalang pembangunan kerana kononnya pembangunan akan mencemarkan alam sekitar. -- Lagi

♥15/03/14-23MST

R GB 15-03 00173 BH093

aab

Mahathir - Pengguna 5 Kuala Lumpur

Katanya yang dimaksudkan oleh persatuan pengguna itu ialah supaya orang Langkawi dapat memeras ugut pihak yang ingin membangunkan pulau itu.

+Ini bukan satu tindakan yang baik kerana ia menyebabkan sara hidup meningkat kerana masalah yang sepatutnya tidak ada dalam pembangunantelah diadakan... dan untuk selesaikan masalah itu wang mesti dibelanjakan.+
k a t a n y a .

Pemimpin yang memperalatkan persatuan-persatuan untuk tujuan lain harus disingkir, katanya sambil menyebut bahawa persatuan pengguna telah menarik minat orang politik dan orang asing kerana persatuan pengguna adalah berpengaruh..

Perdana Menteri juga berkata para pengguna perlu bertanggungjawab mengawal inflasi kerana usaha kerajaan mengawal gejala itu tidak akan berjaya jika mereka bersikap boros dan berbelanja tanpa mengambil kira harga.

Katanya lebih buruk lagi ialah amalan membeli lebih daripada kemampuan umpamanya melalui kredit mudah.

Katanya sebahagian daripada kenaikan pendapatan perlu ditabungkan, dan jika para pengguna berjimat cermat dan selalu sedar akan kesan membeli belah yang tidak terkawal terhadap inflasi, kenaikan harga tidak akan berlaku. -- Lagi.

▼15/03/14-37MST

CNS9790

R GB 15-03 00143 BH096

aab

Mahathir - Pengguna 6 (akhir) Kuala Lumpur

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan anugerah Tokoh Kepenggunaan 1991 kepada Presiden Persatuan Pengguna Pahang, Encik Bishan Singh, dan Presiden Persatuan Pengguna Kelantan, Haji Yusof Ahmad.

Masing-masing menerima hadiah wang \$1,000, pingat dan sijil penghargaan.

Dr Mahathir juga menyampaikan hadiah wang \$3,000 dan sijil penghargaan kepada Persatuan Pengguna Pahang yang terpilih sebagai pemenang anugerah persatuan pengguna cemerlang berdasarkan sumbangan dan aktivitinya.

Beliau turut menyampaikan watakah perlantikan kepada semua Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri.

Sebelum itu, Dr Mahathir menyaksikan tayangan sketsa mengenai kepenggunaan yang dilakukan oleh beberapa pelakon dalam siri jenaka televisyen +Pi Mai Pi Mai Tang Tu+.

Yang turut hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Yengguna, Datuk Abu Hassan Omar dan timbalan menteri, Datuk Kadir Sheikh Fadzir. -- Bernama

▼15/03/14-54MST